

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Permohonan Bagi Penggunaan Baki Peruntukan Bajet Pembangunan Bagi Tujuan Penyambungan Program Pembangunan Sistem Di Bawah Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE 2.0) Bagi Tahun 2021.
TARIKH / TAHUN	:	Tahun 2021 (Jun – Oktober 2021)
PERUNTUKAN	:	Tahun 2021 : RM38,500 (Baki Bajet Pembangunan untuk Program SPPE 2.0)
JABATAN / CAWANGAN/ UNIT	:	Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)
OUTCOME PROGRAM	:	1. Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). 2. Membangunkan syarikat PKS yang efisien dan efektif ke arah meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan organisasi melalui program digitalisasi.
PERUNTUKAN / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	Peruntukan Asal = RM100,000 (RMK-12) Perbelanjaan (Jan-Mei) = RM61,500 Baki Peruntukan (Jun - Oktober) = <u>RM38,500</u>
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS KANAN PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

TAJUK:

PERMOHONAN BAGI PENGGUNAAN BAKI PERUNTUKAN BAJET PEMBANGUNAN BAGI TUJUAN PENYAMBUNGAN PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM DI BAWAH PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE 2.0) BAGI TAHUN 2021.

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini untuk memaklumkan dan mendapat pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan penyambungan pelaksanaan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE 2.0) dengan peruntukan berbaki sebanyak RM38,500 bagi tahun 2021.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada November 2020, MPC telah diluluskan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE 2.0) untuk kegunaan tahun 2021. Program ini dilaksanakan di bawah bajet pembangunan yang telah diluluskan dalam Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).
- 2.2 Pelaksanaan Program ini telah dijalankan bermula penghujung bulan Februari 2021 setelah mendapat kelulusan **Kertas BOM Bil 210/2021 bertarikh 23/2/2021**. Selaras dengan keperluan bagi semakan dan pembaharuan terhadap Kertas BOM setiap empat (4) bulan bagi projek yang berjangka panjang, permohonan ini dibuat kepada pihak BOM untuk mendapat kebenaran penggunaan baki peruntukan yang berjumlah RM38,500.

3.0 OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Membangunkan syarikat PKS yang menggunakan teknologi digitalisasi ke arah persediaan Industri 4.0

- 3.2 Meningkatkan kecekapan syarikat dalam pengurusan syarikat menggunakan aplikasi digitalisasi.

4.0 OUTCOME PROGRAM

- 4.1 Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- 4.2 Membangunkan syarikat PKS yang efisien dan efektif ke arah meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan organisasi melalui program digitalisasi.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Agihan peruntukan adalah secara berfasa sebagaimana permohonan kepada pihak EPU seperti **Lampiran 1**.
- 5.2 Projek ini melibatkan 3 fasa pelaksanaan seperti di **Lampiran 2** iaitu:
 - 5.2.1 **Fasa 1:** Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik;
 - 5.2.2 **Fasa 2:** Program Intervensi dan Latihan;
 - 5.2.3 **Fasa 3:** Post-Diagnostik, Pemilihan syarikat contoh & perkongsian amalan terbaik.
- 5.3 Bagi tahun 2021, sebanyak 5 buah syarikat PKS dipilih dari kalangan syarikat yang pernah menyertai Program SPPE 1.0 yang memenuhi kriteria seperti komitmen syarikat, penjimatan kos yang tinggi dan impak projek kepada syarikat untuk menyertai SPPE 2.0.


6.0 TADBIR URUS SPPE 2.0

- 6.1 Pembekal perkhidmatan MPC akan digunakan dalam pelaksanaan aktiviti diagnostik dan program intervensi akan ditawarkan kepada pembekal menggunakan kaedah sebut harga rasmi.
- 6.2 Sistem tadbir urus bagi skim akan dijalankan secara telus dan efektif. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang diwujudkan.
- 6.3 Pelaksanaan pra-diagnostik dan post-diagnostik akan dilaksanakan oleh pembekal perkhidmatan berdaftar MPC yang kompeten dengan kadar bayaran JPPK iaitu RM1,300 bagi setiap sesi penilaian sebuah syarikat.
- 6.4 Sistem Tadbir Urus Pelaksanaan SPPE 2.0 adalah seperti di **Lampiran 3, Perkara 3.0**.

7.0 PERUNTUKAN DAN UNJURAN PERBELANJAAN SPPE 2021

7.1 Perancangan dan unjuran perbelanjaan adalah sebagaimana maklumat di dalam **Lampiran 1**. Perancangan tersebut adalah bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai KPI ditetapkan. Tahap perbelanjaan akan dipantau secara bulan dan prestasinya akan dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JKTP-MPC).

7.2 Semakan Semula Bagi Komponen Aktiviti Dalam SPPE 2.0



8.0 BIDANG INTERVENSI

8.1 Bidang intervensi yang menjadi fokus bagi SPPE 2.0 bagi tahun 2021 ialah **Program Digitalisasi Ke Arah Persediaan Industri 4.0**. Kaedah pelaksanaan seperti di **Lampiran 4**.


8.2 Penyelaras projek bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan tersebut dan *accountable* terhadap prestasi perbelanjaan masing-masing. Tahap perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan hendaklah dilaporkan kepada Sekretariat SPPE secara berkala.

8.3 Intervensi projek ini dijangkakan akan tamat pada penghujung Oktober 2021.

PENUTUP

- 8.4 Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mengambil maklum dan Meluluskan **Permohonan Bagi Penggunaan Baki Peruntukan Bajet Pembangunan Bagi Tujuan Penyambungan Program Pembangunan Sistem Di Bawah Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE 2.0) Bagi Tahun 2021** untuk menyambung pelaksanaan intervensi kepada lima (5) syarikat PKS terpilih dengan menggunakan peruntukan Pembangunan bagi Program SPPE 2.0 (RMK12, RP1) yang masih berbaki sebanyak RM38,500 untuk tempoh Jun hingga Oktober 2021.

Disediakan oleh :



Kartir Haslinda Che Mat
Pengurus PACS

Disemak oleh :



Zaki Jaafar
Pengurus Kanan PACS

Disahkan oleh :



Rosmi Abdullah
Pengarah PACS

Tarikh : 28 Mei 2021

LAMPIRAN 1

STATUS PERBELANJAAN SETIAP AKTIVITI DI DALAM PROGRAM SPPE 2.0

Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Status RO/ ISO
FASA 1:			61,500	
1.	Pemilihan Syarikat / <i>Engagement</i> / Promosi			Selesai
2.	Pra-Diagnostik BE @RM1,300 x 5 Syarikat	6,500		Selesai
FASA 2:				
3.	Program Intervensi & Latihan @RM9,700 x 5 Syarikat	48,500		Selesai
FASA 3:				
4.	<i>Post</i> -Diagnostik BE @RM1,300 x 5 Syarikat	6,500		Selesai
5.	Perkongsian Amalan Terbaik (Webinar Bersiri) @RM1,600 x 10 sesi	16,000	38,500	Belum
6.	Pembelajaran Sepanjang Hayat (Bengkel CEO Pemacu Kecemerlangan Organisasi)	10,000		Belum
7.	Penulisan Kenyataan Media bagi Syarikat Contoh dan Program SPPE @RM1,000 x 6 edisi	6,000		Belum
8.	Program Latihan Pengukuhan BEF untuk syarikat (<i>in-house</i>)	6,500		Belum
Jumlah Perbelanjaan			100,000	

LAMPIRAN 2

CARTA PERBATUAN 2021

Aktiviti	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
1. Mengenalpasti & Pemilihan Syarikat												
2. Proses Perolehan												
3. Aktiviti Penilaian Pra BE												
4. Aktiviti Intervensi												
5. Perkongsian amalan terbaik (Webinar Bersiri)												
6. Pembelajaran Sepanjang Hayat (Program CEO Pemacu)												
7. Penulisan Kenyataan Media												
8. Aktiviti Penilaian Post BE												
9. Program Latihan Pengukuhan BEF												
10. Laporan Akhir dan Persembahan Projek												

*BE=BUSINESS EXCELLENCE

LAMPIRAN 3

1.0 Kriteria Pemilihan Syarikat bagi Menyertai Program SPPE 2.0-MPB

1. Syarikat adalah berdaftar dengan SSM;
2. Memiliki lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan telah menjalankan operasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
3. Mempunyai minat yang mendalam dan bersetuju menyertai skim;
4. Syarikat Contoh yang dipilih dari Program SPPE 1.0
5. Bersetuju untuk menyertai program perkongsian amalan terbaik; dan
6. Syarikat perlu mengemukakan Surat Setuju Terima (SST).

2.0 Kriteria Pemilihan Syarikat Contoh bagi SPPE 2.0-MPB

1. Kadar pertumbuhan produktiviti melebihi purata industri;
2. Pencapaian cemerlang dalam indikator prestasi operasi;
3. Markah Post-Assessment BE melebihi 600;
4. Menunjukkan daya saing yang tinggi.

3.0 Sistem Tadbir Urus Pelaksanaan SPPE-MPB

1. Jawatankuasa Pemandu bagi menentukan halatuju dan pemantauan aktiviti SPPE 2.0.
2. Jawatankuasa Teknikal (Pemilihan, Pemantauan & Pelaporan) untuk memilih syarikat peserta, memantau dan melapor kemajuan projek kepada J/K Pemandu, Agensi Pusat, Lembaga Pengurusan MPC dan J/K Tindakan Pembangunan MPC dan bermesyuarat pada kekerapan 4 kali setahun.

LAMPIRAN 4

Jenis Intervensi : Program Digitalisasi Menuju Revolusi Industri 4.0

1.0 FASA 1 – DIAGNOSIS

Lawatan & perbincangan bersama pihak syarikat bagi mengenal pasti dan mendapat persetujuan proses/projek digitalisasi yang akan dilaksanakan. Perlu dilakukan di tempat syarikat yang terpilih kerana ingin mengenal pasti faktor:

1. Capaian internet
2. Sekuriti siber
3. *Cloud computing*
4. Sumber elektrik bagi tujuan pemasangan alat peranti & *sensors* dan seumpamanya.

2.0 FASA 2 – REKABENTUK & PEMBANGUNAN SOLUSI

Mereka bentuk solusi penyelesaian bagi projek digitalisasi yang telah dikenal pasti. Membangunkan solusi projek digitalisasi yang mungkin melibatkan:

1. Pengaturacaraan (*programming*)
2. Integrasi sistem (*system integration*)
3. Penggunaan IOT dan *sensors* (jika berkaitan) atau
4. Pembangunan sistem (jika berkaitan)
5. Penggunaan ruang server bagi menyimpan data (langganan untuk setahun sahaja)
6. Pembangunan & analisis data
7. 'Set up' sistem (*Test Run, Debug* dan *Upgrade*)

3.0 FASA 3 – PEMASANGAN, LATIHAN DAN PEMANTAUAN

Pemasangan akan dilakukan setelah solusi digitalisasi diperkemas dan ditambah baik. Proses pemasangan melibatkan:

1. Pemasangan alat peranti dan penggunaan sumber elektrik
2. Penyambungan sistem digitalisasi kepada capaian internet
3. Penyambungan sistem digitalisasi kepada *cloud computing*
4. Penghasilan analitik data dan menganalisis data
5. Latihan penggunaan sistem solusi digitalisasi
6. Pemantauan berterusan selama 10 hari
7. *Debug*, penambahbaikan dan *Final User Acceptance Test*
8. Penyerahan sistem solusi digitalisasi kepada syarikat
9. Perkhidmatan sokongan selepas pemasangan adalah dijamin selama 1 tahun.